

KE ARAH MEMAKSIMUMKAN PENDAPATAN PENANAM SAWIT - INTEGRASI TANAMAN PISANG BERANGAN BERSAMA SAWIT Oleh : Suboh Ismail

Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi, Bahagian Biologi

Pisang merupakan salah satu buah-buahan tempatan yang sangat digemari oleh sebahagian besar penduduk Malaysia. Ia mudah dijumpai sepanjang masa di merata tempat di negara ini. Pisang mudah hidup di atas berbagai jenis tanah. Walaubagaimana pun untuk tanaman komersial atau untuk memberi pulangan yang lumayan, tanaman pisang memerlukan tanah yang dalam, mempunyai saluran yang baik, tekstur tanah yang tidak terlalu berat dan mempunyai topografi tanah dari yang rata ke landai. Kawasan berpásir atau selalu ditenggelami air adalah tidak begitu sesuai kecuali syarat-syarat tertentu diikuti dengan sepenuhnya. Kelazimannya, ini memerlukan kos yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan penanaman di tanah biasa.

Pisang terbahagi kepada dua kumpulan; yang dimakan mentah dan yang digoreng, digulai atau dibuat kuih-muih. Dalam kumpulan yang dimakan mentah, pisang berangan merupakan yang sangat diminati oleh pekebun-pekebun kerana hasilnya tinggi, mudah dipasarkan dan harganya yang baik serta agak stabil.

Dalam usaha meningkatkan pendapatan penanam sawit terutama ketika sawit muda, satu syor yang baik ialah menanam pisang berangan. Dari pemerhatian yang telah dijalankan di tanah-tanah yang sesuai, pisang berangan boleh ditanam di kawasan sawit muda selama lebih kurang 1 1/2 - 2 tahun (sejak sawit mula ditanam) dan telah terbukti tanaman pisang ini boleh memberi pendapatan yang sangat memuaskan. Di samping itu dengan pengurusan sempurna yang diberikan kepada kedua-dua jenis tanaman, integrasi ini boleh menambah kesuburan dan pengeluaran sawit.

Risalah ini akan membincangkan kaedah menanam pisang berangan di kawasan sawit muda dan jangkaan pendapatan yang boleh diperolehi.


seperti berikut :



9 771394 471004



MPOB



Pisang Berangan

Penanaman Pisang Berangan di Ladang Sawit

Bahan Tanaman

• Menanam pisang berangan boleh menggunakan bahan tanaman seperti berikut:

1. Sulus dara - sulus yang besar, sihat dan akar telah banyak keluar dari umbinya.
2. Sulus pedang - sulus yang tegap, subur, mempunyai umbi yang besar dan daun yang kecil serta tirus. Sulus ini adalah jenis yang terbaik untuk dijadikan benih.

3. Bahan tisu didik - diperolehi dari makmal tisu didik

- Sulur payung iaitu yang berumbi kecil, batang yang kurus serta lemah dan berdaun lebar tidak begitu sesuai untuk dijadikan benih.
- Keperluan bahan tanaman sehektar ialah lebih kurang 1,344.


Cara Menanam

- Bajak tanah sebanyak tiga kali, dua kali piring dan sekali bajak putar (rotor) sedalam 20 cm (8 inci).
- Untuk kawasan tanah liat pantai, bina parit ladang dengan jarak di antara 4-6 baris sawit (bergantung kepada paras air dan kekerapan banjir di kawasan berkenaan).

Jika perlu (sekiranya kawasan selalu dinaiki air) bina parit ladang tambahan di antara dua parit ladang yang sedia ada untuk pertumbuhan pokok pisang yang baik.

- Membaris di antara dua barisan sawit dan di antara titik tanaman sawit (setelah kerja membaris tanaman sawit selesai). Dua baris pisang boleh dibuat di antara baris sawit dan dua titik pisang di antara dua titik sawit (*seperti Rajah 1*).

Jarak di antara dua baris pisang ialah 2.37m (8 ka) dan jarak dari baris sawit ialah 2.7m (10 ka). Di antara dua titik sawit, bolehlah ditanam dua pokok pisang dengan jarak 2.67m (9 ka). Jarak di antara pokok pisang dengan sawit pula ialah 2.7m. Sistem tanaman ini boleh memberi kepadatan pisang lebih kurang 1,344 pokok sehektar. Manakala, tanaman sawit dengan jarak tanaman 8.6m x 8.6m x 8.6m



- X Sawit (jarak tanaman 8.6m x 8.6m x 8.6m tiga segi).
- Pisang
- || Parit ladang (di kawasan yang perlu)

Rajah 1. Sistem Tanaman Integrasi Pisang Berangan/Sawit

(29 ka x 29 ka x 29 ka) tiga segi ialah 148 pokok sehektar.

- Buat lubang tanaman dengan saiz 0.45m x 0.45m x 0.45m (1 1/2 ka x 1 1/2 ka x 1 1/2 ka).
- Bubuh baja debu fosfat (rock phosphate) sebanyak lebih kurang 200g selubang.
- Kerat hujung sulur (jika menggunakan sulur) dengan meninggalkan pangkal 0.45 - 0.6 m (1 1/2 - 2 ka) panjang.
- Tanam sulur menegak ke dalam lubang lebih kurang 15cm (6 inci) dalam. Pastikan semua bahagian umbi berada dalam tanah.
- Digalakkan menanam pada musim hujan.

Membaja

Program pembajaan adalah seperti berikut:

Umur pokok	Jenis baja	Kadar (g/pokok)
Semasa menanam	debu fosfat	200
1 bulan lepas tanam	15: 15: 15	60
3 bulan lepas tanam	15: 15: 15	120
6 bulan lepas tanam	12: 12: 17: 2 TE	240
1 minggu lepas tuai	12: 12: 17: 2 TE	300
6 minggu lepas tuai	12: 12: 17: 2 TE	300
3 bulan lepas tuai	12: 12: 17: 2 TE	300


Baja ditabur rata keliling pangkal pokok

Pemangkasan Daun


- Pangkas daun-daun tua dan kering setiap 1 1/2 - 2 bulan sekali. Daun-daun yang dipangkas disusun di lorong antara baris pokok.

Pembuangan Sulur

- Buang sulur yang tidak dikehendaki untuk menjamin kesuburan pokok induk.



Sulur pedang yang sesuai untuk dijadikan benih.



Sulur payung - tidak begitu sesuai untuk dijadikan benih

Pembuangan sulur boleh dilakukan dengan cara memotong sulur sama paras dengan tanah.

- Kelazimannya, tinggalkan dua pokok seperdu dengan jarak umur setiap pokok di antara 5 - 6 bulan. Pilih sulur pedang untuk ditinggalkan.
- Pembuangan sulur dilakukan semasa pusingan membuang daun tua.
- Sulur yang baik diambil untuk ditanam di tempat lain atau dijual semasa umur pisang mencapai 9 - 12 bulan.

Pengawalan Rumpai

- Merumpai kawasan keliling pokok dalam bulatan lingkungan 0.9m (3 ka) jejari. Sebaik-baiknya dengan tajak/cangkul sebulan sekali.
- Racun paraquat boleh digunakan untuk meracun keliling pangkal pokok dan lorong apabila pokok telah berumur melebihi 4 bulan dalam masa dua-tiga bulan sekali.

Pengawalan Perosak dan Penyakit

- Periksa kebun; jika berlaku serangan serangga perosak atau penyakit, kawal dengan menggunakan racun tertentu yang disyorkan.
- Penyakit yang selalu menyerang pisang ialah penyakit daun Sigatoka. Cara pengawalannya adalah:
 1. Baiki sistem peparitan
 2. Buang sulur yang tidak dikehendaki
 3. Gunakan racun kulat yang sesuai. Contohnya ialah Dithane M-45 dengan mengikut kadar 5 g/4.5 liter air.

Pembungkusan Buah


- Bungkus tandan pisang untuk menjaga kualiti buah dan mengelakkan daripada serangan serangga perosak.
- Pembungkusan dijalankan setelah pemotongan jantung iaitu ketika sisir buah terakhir dalam keadaan buahnya melentik ke atas, semasa ini



Sawit berumur dua bulan, manakala pisang tiga bulan



Tandan pisang dibungkus, daun yang dipangkas disusun di antara pokok dan baris pisang berumur 8 - 10 bulan



Selepas penuaian pisang pusingan pertama, sawit tidak terjejas dengan pengurusan yang sempurna

tandan berumur lebih kurang 2-3 minggu.

- Gunakan plastik yang dibuat khas untuk pembungkusan pisang.

Mengutip hasil

- Pisang berangan mula dituai 9 - 12 bulan selepas ditanam, lebih kurang 12 - 13 minggu selepas keluar jantung.
- Berhati-hati tebang pokok pisang supaya tandan buah tidak terhempas ke tanah yang mana boleh menjejaskan kualiti buah.
- Batang dan daun pisang dipotong dan diatur di pangkal perdu pokok pisang atau di lorong tanaman.
- Bawa tandan pisang yang baru dituai bersama dengan bungkusannya ke tempat pengumpulan di mana tandan-tandan pisang akan digred dan dipasarkan.
- Jangka masa penuaian pusingan pertama ialah lebih kurang 3 - 4 bulan (pengalaman di petak demonstrasi, Kg. Tebuk Berihon, Sabak Bernam, Selangor).
- Penuaian pusingan kedua biasanya bermula 5 - 6 bulan selepas permulaan penuaian pusingan pertama. Jangka masa penuaian pusingan ini adalah sekitar 3 - 4 bulan juga.
- Selepas penuaian pusingan kedua, musnahkan semua pokok pisang yang ada. Sultur pisang yang baik boleh diambil untuk dijadikan bahan tanaman di kawasan lain. Pemusnahan ini dilakukan kerana keadaan akan menjadi tidak sesuai lagi di mana pokok pisang akan memberi persaingan yang kuat kepada tanaman sawit untuk pembesaran. Sekiranya disimpan sehingga ke pusingan ketiga, hasil pisang akan

turun ke paras 6 kg/tandan dan ini tidak ekonomik lagi.

Pengeluaran Hasil

Pada kelazimannya, berat tandan pada penuaian pertama ialah di antara 12 - 18 kg dengan puratanya sekitar 14.5 kg/tandan. Pengeluaran hasil sehektar di pusingan ini boleh mencapai 19,500 kg (pengalaman di petak demonstrasi Tebuk Berihon, Sabak Bernam, Selangor).

Berat tandan pada pusingan kedua adalah lebih kurang 8 - 16 kg setandan dengan purata 11 kg/tandan. Pengeluaran sehektar adalah sekitar 14,780 kg.

Kos Pengeluaran dan Pendapatan

Anggaran kos pengeluaran dan pendapatan adalah seperti *Jadual 1*. Penuaian pusingan pertama boleh memberi pulangan bersih sebanyak RM 9,269.50 dan penuaian pusingan kedua sebanyak RM 7,374.70. Ini bermakna dalam jangka masa 16 - 20 bulan, pendapatan bersih penanam pisang berangan di ladang sawit muda boleh mencapai RM 16,644.20.

Penutup

Dalam keadaan tanah dan sistem tanaman yang sesuai. Tanaman pisang berangan boleh memberi pendapatan yang lumayan sementara menunggu hasil tanaman sawit. Daun dan batang pisang yang dipangkas dan ditebang yang disusun di ladang sawit boleh meninggikan kandungan nutrien, kelembapan dan bahan organik di dalam tanah. Keadaan ini akan menyuburkan tanah dan meningkatkan pembesaran sawit. Walau bagaimanapun kedua-dua jenis tanaman mestilah dijaga dan diuruskan dengan baik dan sempurna supaya tidak menjejaskan pertumbuhan dan hasil antara satu sama lain.

Jadual 1: Anggaran Kos Pengeluaran dan Pendapatan Tanaman Selingan Pisang Berangan Di Kawasan Sawit Muda (Sehektar)

Butir	Pusingan Pertama		Pusingan Kedua		Jumlah (RM)
	Kuantiti/Harga (RM)	Kos (RM)	Kuantiti/Harga (RM)	Kos (RM)	
Kos Bahan					
1. Sultur(termasuk 10% sulaman)	1479@0.50/sultur.	739.50			739.50
2. Baja debu fostat	300kg@25.00/50kg	150.00			150.00
3. Baja 15 15: 15	258kg@38.00/50kg	196.00			196.00
4. Baja 12: 12: 17: 2 TE	350kg@38.00/50kg	266.00	1210kg@38.00/50kg	919.60	1,185.60
5. Karung pembungkus	114kg@4.00/kg	456.00	114kg@4.00/kg	456.00	912.00
6. Racun Paraquat	24lit@45.00/4 lit	270.00	12lit@45.00/lit	135.00	405.00
7. Racun kulat	6kg@19.00/kg	114.00	3kg@19.00/kg	62.00	176.00
Jumlah		2,191.50		1,572.60	3,764.10
Kos Tenaga					
1. Penyediaan ladang, membajak dan membina parit ladang	Dj masukkan ke dalam kos penanaman sawit				
2. Membaris, melubang dan menanam	Kontrak@0.30/pokok	403.20			403.20
3. Menyulam	135pokok@0.20/pokok	27.00			27.00
4. Membuang daun tua dan sulur	9 t.h@15.00/t.h	135.00	5 t.h@15.00/t.h	75.00	210.00
5. Membaja	9 t.h@15.00/t.h	75.00	3 t.h@15.00/t.h	45.00	120.00
6. Mengawal penyakit	5 t.h@15.00/t.h	75.00	4 t.h@45.00/t.h	60.00	195.00
7. Mengungkus	13.5 t.h@25.00/t.h	337.50	3 t.h@15.00/t.h	45.00	120.00
8. Mengambil sulur	Kontrak-7,000@0.15/sulur	1,050.00	13.5 t.h@25.00/t.h	337.50	675.00
9. Mengambil jantung	5 t.h@15.00/t.h	75.00	5,600@0.15/sulur	840.00	1,890.00
11. Memungut hasil	Kontrak 1,344@0.40/tandan	537.60	5 t.h@15.00/t.h	75.00	150.00
Jumlah		2,850.30		2,015.10	4,865.40
Jumlah kos pengeluaran		5,041.80		3,587.70	8,629.50
1. Pendapatan kasar					
a. hasil pisang	19,500 kg@0.60/kg	11,700.00	14,780 kg@0.60/kg	8,868.00	20,568.00
b. hasil jantung pisang	1,344@0.12/jantung	161.30	1,344@0.10/jantung	134.40	295.70
c. hasil sulur	7,000@0.35/sulur	2,450.00	5,600@0.35/sulur	1,960.00	4,410.00
Jumlah		14,311.30		10,962.40	25,273.70
2. Pendapatan bersih					
		5,041.80		3,587.70	8,629.50
		9,269.50		7,374.70	16,644.20

t.h = tenaga hari
 Sumber: Petak demonstrasi, Kg. Tebuk Berihon, Sabak Bernam dan Jabatan Pertanian (setelah diubahsuai)

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Unit Pembangunan Pekebun Kecil
dan Pemindahan Teknologi,
Bahagian Biologi, MPOB,
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur.
Tel: 03-89259155, 89259775
Faks: 03-89259446
Email: tayeb@mpob.gov.my

Talian Sawit: 03-89251122